

<b>Headline</b>	<b>Pemidato buta Jerman sahut cabaran</b>		
<b>Date</b>	<b>12. Feb 2008</b>	<b>Language</b>	<b>MALAY</b>
<b>Media Title</b>	<b>Harian Metro</b>	<b>Page No</b>	<b>25</b>
<b>Section</b>	<b>Setempat</b>	<b>Article Size</b>	<b>237 cm<sup>2</sup></b>
<b>Circulation</b>	<b>172903</b>	<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>
<b>Readership</b>	<b>605160</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>



BERTARAF DUNIA...Mustapa (kiri) bersama Ong pada sidang akhbar, semalam.

## Pemidato buta Jerman sahut cabaran

**P**UTRAJAYA: Seorang pelajar universiti dari Hamburg, Jerman, yang cacat penglihatan akan bersaing dengan 36 peserta dari 35 negara bagi merebut kejuaraan dalam Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Timbalan Perdana Menteri (PABM) 2008, dari 17 hingga 24 Februari depan.

Peringkat saringan pertandingan itu akan diadakan di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, manakala peringkat akhir di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

Peserta itu bertanding dalam kategori antarabangsa yang dikhushuskan kepada pelajar universiti di luar negara yang mengambil jurusan Pengajian Melayu sebagai kursus elektif.

Peserta dari negara ini pula bertanding dalam kategori

Nusantara iaitu negara pengamal bahasa Melayu sebagai bahasa utama atau bahasa ibunda bersama peserta dari Indonesia, Brunei, Singapura, Thailand, Filipina dan Timor Leste.

Menyertai Pertandingan Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed, berkata penganjuran pertandingan yang memasuki tahun kedua itu mendapat sambutan memberangsangkan selepas mampu menarik 23 negara tahun lalu.

"Pada kali ini jumlah itu meningkat sekali ganda apabila 50 pemidato dari 47 negara mengesahkan penyertaan mereka.

"Ini membuktikan minat negara asing terhadap bahasa Melayu makin bertambah," katanya pada sidang media mengumumkan PABM 2008 di sini, semalam.

Acara kemuncak pertan-

dingan itu akan berlangsung di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 22 Februari depan yang akan disempurnakan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Pertandingan bertemakan 'Pengantarabangsaan Bahasa Melayu' dianjurkan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama Kementerian Pelajaran; Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Kementerian Penerangan serta Kementerian Pelancongan.

Johan setiap kategori akan membawa pulang piala pusinjang iaitu Piala Timbalan Perdana Menteri, piala iringan, wang tunai RM9,600 (AS3,000) dan hadiah sampingan seperti kamus, buku bahasa Melayu serta cenderamata.